

18 MAR 2001

Dusuki-Mahathir

DUSUKI CADANG IPT WUJUD BIDANG KAJI PEMIKIRAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 18 Mac (Bernama) -- Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Dusuki Ahmad mencadangkan supaya institusi pengajian tinggi mewujudkan bidang pengajian khusus mengkaji pemikiran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya jika pemikir-pemikir Islam silam dijadikan bahan rujukan oleh institusi pengajian berkenaan, Perdana Menteri juga boleh dijadikan rujukan seperti itu.

"Sudah sampai masanya diadakan satu bidang pengajian khusus bagi mengkaji pemikiran Dr Mahathir yang begitu banyak jasanya kepada negara dan Islam sejagat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan guru-guru pendidikan Islam di bawah Kementerian Pendidikan (Rakan Bestari) di sini, hari ini.

Dusuki berkata badan bukan kerajaan dan mana-mana yayasan juga boleh mengadakan kajian berkenaan bagi mengangkat tokoh negara itu, yang hasilnya boleh ditatap oleh generasi akan datang dan dunia Islam.

Katanya negara kini semakin menghampiri status negara Islam maju dan perkara itu diakui oleh pemimpin-pemimpin Islam dari dunia luar.

"Dr Mahathir juga ingin menjadikan umat Islam di negara ini terutamanya bangsa Melayu sebagai model ikutan masyarakat Islam sejagat," katanya.

Dusuki berkata beberapa projek mega yang dulunya menjadi cemuan pembangkang seperti Putrajaya kini terbukti menjadi mercu tanda gemilang negara ini.

"Inilah pemimpin yang bukan sahaja lantang bersuara tetapi melakukan kerja sehingga kita berada di tahap sebegini," katanya.

Beliau berkata pembangunan pendidikan Islam di negara ini sememangnya diberikan perhatian utama oleh kerajaan dan sebagai buktinya kini terdapat lebih 23,000 guru agama yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan.

Sementara itu Dusuki menafikan dakwaan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor semalam bahawa Umno berselindung di sebalik Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Raja-Raja untuk mengenenpikan tiga pra-syarat PAS bagi perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

"Dakwaan itu tidak berasas kerana kedua-duanya adalah bebas dan Umno tidak pernah campurtangan dalam apa juga keputusan yang dibuat," katanya.

Majlis Fatwa Kebangsaan dilaporkan telah mengemukakan fatwa mengenai penggunaan nama Islam pada parti politik kepada Majlis Raja-Raja.

-- BERNAMA

ZI RAR RON